

Migrasi orang Melayu Purba: Kajian awal

BERND NOTHOFER

ABSTRAK

Dengan menerapkan kaedah ilmu linguistik sejarawi serta memanfaatkan penemuan dan hujah arkeologi yang terkini, penulis rencana ini menyajikan hipotesis tentang tanah asal usul bahasa dan bangsa Melayu. Memandangkan tingkat keanekaragaman bahasa Melayik yang sangat tinggi justeru terdapat di bahagian barat Pulau Borneo, maka disimpulkan bahawa Pulau Borneo harus diakui sebagai tanah asal usul bahasa Melayu. Hipotesis ini dilengkapi dengan berbagai-bagai data linguistik serta peta dan rajah yang menggambarkan persebaran dan klasifikasi kelompok Melayik ini.


ABSTRACT

By applying the methodology of historical linguistics and by making use of the latest archaeological discoveries and analyses, the author of this contribution presents a hypothesis about the homeland of the Malay language and people. Bearing in mind the high level of language diversity in the western part of Borneo, the author concludes that indeed Borneo must be recognised as the Malay homeland. The hypothesis is enriched with numerous linguistic data and maps which indicate the distribution and classification of the Malayic subgroup.


Untuk mengerti hipotesis tulisan ini beberapa konsep linguistik perlu diterangkan lebih dahulu: 1) isolek, 2) inovasi/retensi, dan 3) tingkat keanekaragaman yang tertinggi.

1) Isolek: sistem tuturan yang boleh merupakan dialek atau bahasa. Ertinya, isolek merupakan istilah yang neutral terhadap identifikasi sebagai dialek atau bahasa.

2) Retensi/inovasi: Kedua istilah ini digunakan dalam linguistik historis komparatif. Retensi ialah unsur bahasa purba yang dikekalkan. Inovasi (atau pembaharuan) merupakan unsur bahasa purba yang diganti/diubah.




Inovasi digunakan untuk mengelompokkan isolek yang berasal dari satu bahasa purba. Inovasi yang dimiliki bersama oleh beberapa isolek membuktikan bahawa isolek ini mempunyai hubungan kekerabatan yang lebih erat, kerana boleh dianggap berkembang bersama lebih lama daripada isolek yang lain, yaitu mempunyai salasilah bersama yang lebih lama.



3) Tingkat keanekaragaman (*highest order of diversity*): Diasumsikan bahawa tanah asal usul suatu keluarga bahasa terletak di daerah yang isoleknya paling aneka ragam. Dasar hipotesis ini ialah bahawa makin lama suatu daerah didiami oleh penutur isolek-isolek yang berasal dari suatu bahasa purba makin tinggi tingkat keanekaragaman isoleknya. Sebaliknya, kalau penutur suatu isolek yang timbul beberapa abad sesudah terpisahnya suatu bahasa purba yang meninggalkan tanah asal usulnya untuk mendiami daerah baru, maka waktu untuk timbulnya isolek yang aneka ragam di tempat yang baru itu sangat kurang. Ertinya, biasanya isolek yang digunakan di luar tanah asal usul suatu bahasa purba bersifat lebih seragam daripada isolek yang digunakan di daerah asal usul atau berdekatan dengan daerah itu. Rajah 1 menggambarkan proses yang diandaikan.

Sesudah menerangkan ketiga konsep linguistik ini, kami sekarang boleh mengajukan hipotesis tentang migrasi orang Melayu purba dari tanah asal usulnya. Untuk membincangkan hipotesis ini kami perlu menyelidiki isolek-isolek yang berasal dari bahasa purba yang disebut 'bahasa Melayik Purba' (BMP) oleh Adelaar (1992). Isolek-isolek yang termasuk dalam subkelompok bahasa Austronesia ini terdiri antara lain daripada isolek Iban, Sambas, Sarawak, Brunei, Berau, Kutai, Banjar, Ketapang, Bangka, Minangkabau, Jambi, Melayu baku, Jakarta dan




RAJAH 1: Migrasi, keterpisahan dan perubahan bahasa

lain-lain. Peta 1, yang memperlihatkan distribusi isolek Melayik, diambil daripada buku Adelaar (1992).

Kelompok isolek Melayik ini bercirikan inovasi bersama yang berikut (lihat Adelaar 1992). Semua pembaharuan ini merupakan inovasi fonologis yang terjadi antara bahasa Austronesia Purba (BAP) atau bahasa Melayu-Polynesia Purba (BMPP) dan BMP¹.

- 1) Konsonan akhir BAP yang bersuara > konsonan akhir yang tidak bersuara;
- 2) BAP *j > BMP *d, *-t;
- 3) BAP *z > BMP *j;



PETA 1: Persebaran islek Melayik (diubah suai daripada Adelaar 1992)

- 4) BAP *R > BMP *r;
- 5) Penyingkatan urutan konsonan;
- 6) Urutan konsonan yang terdiri atas nasal heterorganik + hentian > nasal homorganik + hentian;
- 7) BAP *w > BMP \emptyset ;
- 8) PMPP *i, *-ey, *-uy, *-iw > BMP *i;
- 9) PMMP *u, *-ew > BMP *u; dan,
- 10) BAP *q > BMP *h.

Sesudah membuktikan adanya bahasa Melayik Purba, kami boleh bertanya tentang daerah penggunaan bahasa purba ini. Seperti diterangkan di atas, tanah asal usul boleh ditetapkan dengan menggunakan konsep tingkat keanekaragaman yang tertinggi. Di Borneo Barat isolek-isolek Melayik yang digunakan cukup berbeza antara satu sama lain, terutama di daerah penggunaan isolek Sarawak, Sambas, Iban, Selako dan Kendayan, sehingga boleh disimpulkan bahawa daerah itu merupakan tanah asal usul orang Melayu.

Blust (1988) dan Adelaar (1988, 1992) juga berpendapat bahawa orang Melayu berasal dari Borneo.

Berdasarkan data leksikostastik yang menunjukkan bahawa di Borneo terdapat perbezaan yang paling besar antara isolek Melayik, Blust (1988:7) berkesimpulan:

A language immediately ancestral to those represented in Table 1 [yaitu bahasa Indonesia, Medan (Deli), Minangkabau, Iban, Selako, Banjar, Jakarta, Ambon] was spoken in southern Borneo. While this language was still relatively homogeneous, population movements led to the settlement of coastal areas in eastern Sumatra and the Malay Peninsula.

Adelaar (1988:74) mempertimbangkan tiga hipotesis berhubungan dengan tanah asal usul Melayu, yaitu Semenanjung Melayu, Sumatera Selatan (Sriwijaya) dan Borneo Barat. Dia menolak hipotesis Kern (1889) bahawa tanah asal usul orang Melayu terletak di Semenanjung Melayu.

Dasarnya ialah istilah mata angin yang boleh direkonstruksi untuk bahasa Melayik Purba. Menurut Adelaar sistem mata angin ini tidak boleh disesuaikan dengan keadaan geografis di Semenanjung. Dia beranggapan bahawa istilah mata angin sesuai dengan hipotesis bahawa orang Melayu berasal dari daerah Palembang (Sriwijaya). Namun demikian, Adelaar mengamati bahawa sistem mata angin tidak mencukupi untuk berkesimpulan bahawa tanah asal usul Melayu terletak di Sumatera Selatan. Berdasarkan konsep tingkat keanekaragaman yang tertinggi, Adelaar menarik kesimpulan yang berikut:

West-Borneo, with its relatively large variety of Malayic speaking peoples living far into the interior, is a better candidate as the original homeland of the Malayic isolects.

Bellwood (1993) juga berpendapat bahawa Semenanjung tidak boleh merupakan tanah asal usul bahasa Melayik Purba:

The Malayic populations of the Malay Peninsula have clear and unequivocal cultural and linguistic origins in the Austronesian world of Island Southeast Asia.

Sesudah membincangkan tanah asal usul orang Melayu, kami sekarang akan mengkaji salasilah migrasi orang Melayu Purba. Dalam bab ini, kami akan menggunakan bukti yang dihasilkan dengan menerapkan metode linguistik historis komparatif.

Dalam bahasa Melayik Purba seperti dalam bahasa purba yang lebih kuno (seperti bahasa Melayu-Javanik Purba atau bahasa Melayu-Polinesia Purba) banyak etimon yang direkonstruksi dengan vokal akhir. Refleks kata ini dalam isolek Melayik biasanya dengan vokal akhir juga, akan tetapi, seperti yang dinyatakan dalam Daftar 1, dalam kata tertentu isolek Iban, Sarawak, Selako, Ketapang, Belitung, Bangka (dan kadang-kadang Palembang dan Jakarta) memperlihatkan tambahan hentian glotis (-ʔ) yang harus dianggap inovasi. Perlu diamati bahawa baik di Filipina maupun di Borneo ada isolek lain yang juga memperlihatkan tambahan glotis, akan tetapi rupanya perkembangan ini merupakan ciri wilayah (*areal feature*)². Yang membezakan isolek Melayik yang tersebut di atas dari isolek Filipina dan Borneo yang memperlihatkan hentian glotis akhir ialah kenyataan bahawa hentian glotis ini timbul dalam kata tertentu dalam semua isolek. Jumlah kekecualian sangat terbatas. Tidak boleh dibayangkan bahawa semua isolek Melayik tersebut satu per satu meminjam semua kata yang sama yang mengandungi hentian glotis akhir ini daripada sebuah isolek Melayik atau non-Melayik.

DAFTAR 1. Tiga perangkat kesepadanan di Borneo Barat

1) Contoh kesepadanan IBN, SAR, SEL, KET, BAN vokal pada akhir kata:

Iban	Sarawak	Selako	Ketapang	Bangka
<i>gigi</i>	<i>gigi</i>	<i>gigi</i>	<i>gigi</i>	<i>gigəy</i>
<i>batu</i>	<i>batu</i>	<i>batu</i>	<i>batu</i>	<i>batəw</i>
<i>bulu</i>	<i>bulu</i>	<i>bulu</i>	<i>bulu</i>	<i>buləw</i>
<i>api</i>	<i>api</i>	<i>api</i>	<i>api</i>	<i>apəy</i>
<i>mata</i>	<i>mata</i>	<i>mata</i>	<i>mata</i>	<i>matey</i>

2) Contoh kesepadanan IBN, SAR, SEL, KET, BAN hentian glotis pada akhir kata (Dalam bahasa Melayu Baku terdapat vokal pada akhir kata):

Iban	Sarawak	Selako	Ketapang	Bangka
<i>gusi?</i>	<i>gusi?</i>	<i>gusi?</i>	<i>gusi?</i>	<i>gəsi?</i>
<i>asi?</i>	<i>nasi?</i>	<i>nasi?</i>	<i>nasi?</i>	<i>nasi?</i>
<i>mandi?</i>	<i>mandi?</i>	<i>mani?</i>	<i>mandi?</i>	<i>mandi?</i>
<i>para?</i>	<i>para?</i>	<i>para?</i>	<i>para?</i>	<i>para?</i>
<i>daki?</i>	<i>daki?</i>	<i>daki?</i>	<i>daki?</i>	<i>daki?</i>
<i>buka?</i>	<i>buka?</i>	<i>buka?</i>	<i>buka?</i>	<i>buka?</i>
<i>asu?</i>	<i>asu?</i>	<i>asu?</i>	<i>asu?</i>	<i>asu?</i>
<i>tuma?</i>	<i>tuma?</i>	<i>tuma?</i>	<i>tuma?</i>	<i>tuma?</i>
<i>sagu?</i>	<i>sagu?</i>	<i>sagu?</i>	<i>sagu?</i>	<i>sagu?</i>
<i>isi?</i>	<i>isi?</i>	<i>insi?</i>	<i>isi?</i>	<i>isi?</i>
<i>pari?</i>	<i>pari?</i>	<i>pari?</i>	<i>pari?</i>	<i>pari?</i>
<i>agi?</i>	<i>agi?</i>	<i>agi?</i>	<i>agi?</i>	<i>agi?</i>
<i>naŋka?</i>	<i>naŋka?</i>	<i>naŋka?</i>	<i>naŋka?</i>	<i>naŋka?</i>
<i>iu?</i>	<i>yu?</i>	<i>iu?</i>	<i>iu?</i>	<i>yu?</i>
<i>tuli?</i>	<i>tuli?</i>	<i>tui?</i>	<i>tuli?</i>	<i>tuli?</i>
<i>paku?</i>	<i>paku?</i>	<i>paku?</i>	<i>paku?</i>	<i>paku?</i>
<i>sawa?</i>	<i>sa?</i>	<i>sawa?</i>	<i>sawa?</i>	<i>saba?</i>
<i>kəra?</i>	<i>kəra?</i>	<i>kara?</i>	<i>kəra?</i>	<i>kəra?</i>
<i>au?</i>	<i>ao?</i>	<i>au?</i>	<i>ao?</i>	<i>au?</i>
<i>bəri?</i>	<i>bəri?</i>	<i>bare?</i>	<i>bəri?</i>	<i>bəri?</i>
<i>paya?</i>	<i>paya?</i>	- - -	<i>paya?</i>	<i>paya?</i>
<i>pəria?</i>	<i>pəria?</i>	- - -	<i>pəria?</i>	<i>pəria?</i>
<i>tərima?</i>	<i>tərima?</i>	<i>tarima?</i>	- - -	<i>tərima?</i>
<i>tuŋku?</i>	<i>tuŋku?</i>	- - -	<i>tuŋku?</i>	<i>tuŋku?</i>
<i>dəpa?</i>	<i>dəpa?</i>	- - -	<i>dəpa?</i>	<i>dəpa?</i>
<i>pəpu?</i>	<i>pəpu?</i>	- - -	<i>pəpu?</i>	<i>pəpu?</i>
<i>ru?</i>	<i>ru?</i>	- - -	<i>ru?</i>	<i>ru?</i>
<i>ŋ-aku?</i>	<i>ŋ-aku?</i>	<i>ŋ-ako?</i>	- - -	<i>ŋ-aŋkow?</i>

3) Contoh kekecualian kesepadanan IBN, SAR, SEL, KET, BAN hentian glotis pada akhir kata:

Iban	Sarawak	Selako	Ketapang	Bangka
<i>kura?</i>	<i>kura?-kura?</i>	<i>kakura?</i>	<i>kəŋkura?</i>	<i>kəkurey</i>
<i>muda</i>	<i>muda?</i>	<i>muda?</i>	<i>muda?</i>	<i>mudey?</i>
<i>lima?</i>	<i>lima?</i>	<i>ima</i>	<i>ima?</i>	<i>limey</i>

Dalam Daftar 2 di bawah ini fenomenon ini dipaparkan melalui perbandingan kosa kata flora dan fauna antara isolek Iban dengan isolek Ketapang. Dua isolek ini dipilih kerana jarak geografi antara

daerah Iban dan daerah Ketapang paling jauh, jika dibandingkan dengan isolek lain dalam Daftar 1. Dianggap bahawa jarak yang jauh ini menunjukkan persamaan yang diwarisi, bukan yang dipinjam.

DAFTAR 2. Perbandingan leksikon flora dan fauna Iban dan Ketapang

Iban	Ketapang	Erti
Fauna		
<i>kəli?</i>	<i>kəli?</i>	'Clariias batrachus'
<i>banta?</i>	<i>banta?</i>	'Osteochilus vittatus'
<i>bəliɔ?</i>	<i>ular bəliɔ?</i>	'Notopterus spp.'
<i>cəncalu?</i>	<i>cəncalo?</i>	'udang yg kecil'
<i>kasa?</i>	<i>kasa?</i>	'Oecophylla smaragdina'
<i>sələmada?</i>	<i>sələmbada?</i>	'serangga yg menggigit'
<i>əntadu?</i>	<i>təntadu?</i>	'ulat bulu yg besar'
<i>əmpada?</i>	<i>pəda?</i>	'jeruk yg dibuat dari udang atau ikan kecil'
<i>rui?</i>	<i>rui?</i>	's.j. burung enggang'
<i>əmpuru?</i>	<i>pəmpuru?</i>	'Pycnonotus, Criniger, Microscelis spp.'
<i>rusa?</i>	<i>rusa?</i>	'Cervus unicolor'
Flora		
<i>kəranji?</i>	<i>kəranji?</i>	'Dialium spp.'
<i>əntawa?</i>	<i>məntawa?</i>	'Artocarpus spp.'

Lagi pula, seperti yang tampak dalam Daftar 3, dalam kata tertentu glotis ini menggantikan BMP *-r atau BMP *-h dalam semua isolek Melayik yang disebut di atas.

Rupanya dalam semua isolek Melayik yang tersebut di atas hentian glotis ini juga memenuhi fungsi gramatikal. Hentian Glotis yang menggantikan *-r/*-l atau yang ditambah pada kata yang berakhir dengan vokal dalam isolek Melayu yang lain merupakan proses infleksional yang fungsinya di antara lain:

- 1) pemarkah perubahan kelas kata,
- 2) pemarkah partikel wacana, dan
- 3) pemarkah persona pronomina.

Fungsi ini mempakan peluasan fungsi -? sebagai pemarkah kasus vokatif yang muncul dalam banyak bahasa Austronesia dalam istilah kekerabatan (lihat Blust 1979), misalnya:

DAFTAR 3. Perubahan *-r dan *-h di Borneo Barat

*-r > hentian glotal:

Iban	Sarawak	Selako	Ketapang	Bangka
---	<i>tidu?</i> (< *tidur)	<i>tidur</i>	<i>tidu?</i>	<i>tidu?</i> 'tidur'
<i>ai?</i>	<i>ai?</i> (< *air)	<i>ai?</i>	<i>ai?</i>	<i>ai?</i> 'air'
<i>təlu?</i>	<i>tehu?</i> (< *telur)	<i>talur</i> Ken- dayan <i>talo?</i>	<i>təlu</i>	<i>təlu?</i> telur?
<i>kapu?</i> 'yg di- makan dgn sirih'	<i>kapur</i> (< *kapur)	<i>kapur</i>	---	<i>kapu?</i> 'yg dimakan dgn sirih'
<i>kapur</i> 'cat rumah'				<i>kapur</i> 'cat rumah'
<i>buntu?</i> (< *buntur)	---	---	<i>buntu?</i>	<i>buntu?</i> 'kembung, reput, busuk

*-h > hentian glotal:

Iban	Sarawak	Selako	Ketapang	Bangka
<i>mata?</i> (< *me(n)tah, *ma(n)tah)	<i>manta?</i>	<i>manta?</i>	<i>mənta?</i>	<i>mata?</i>
<i>basah</i> (< *basah)	<i>basa?</i>	<i>basa?</i>	<i>basa?</i>	<i>basa</i> Belitung <i>basa?</i>
<i>səmpa?</i> (< *se(m)pah)	---	<i>sampa?</i>	---	<i>səmpa?</i>
<i>basu?</i> (< *basuh)	<i>basu?</i>	---	<i>bə-basu?</i>	<i>basu</i>

Bahasa Sasak (Lombok) *ama?* 'ayah', *ina?* 'mother', *adi?* 'adik', *kaka?* 'kakak', *laki?* 'kakek', *pa-pu?* 'kakek/nenek, nenek moyang'

IBN *ucu?* 'cucu', *adi?* 'adik', *indu?* 'ibu', *ibu?* 'adik, kakak perempuan ibu/ayah', *ini?* 'nenek', *aki?* 'kakek', *aya?* 'paman', *pa?* 'ayah'.

Ertinya, munculnya -2 sebagai pemarkah vokatif merupakan *retensi*, sedangkan munculnya sebagai pemarkah perubahan kelas kata, pemarkah partikel wacana ('*discourse particle*') dan pemarkah persona pronomina merupakan *inovasi*. Wujudnya pemarkah vokatif serta pemarkah

perubahan kelas kata dalam dialek Sarawak sudah diperhatikan oleh Collins (1987:37,51).

Contoh pemarkah perubahan kelas kata termasuk:

- a) Verba > Nomina: IBN *asu?* 'anjing', *gasu* 'memburu'
- b) Pronomina > Verba: IBN *aku* 'saya', *η-aku?* 'mengakui', BAN *akow* 'saya', *ηakow?* 'mengakui'
- c) Nomina > Verba: IBN *tusu* 'susu', *tusu?* 'menyusui'; BAN *susu* 'susu', *susu?* 'menyusui'
- d) Adjektiva > Adverba: KET *baru* (adjektiva), *baru?* (adverba)
- e) Nomina > kata pembilang (kp).

Contoh pemarkah partikel wacana dinyatakan di bawah:

SAR *te?* 'seperti tadi saya katakan',

IBN *tu?* (*aku bisi?* *nərima surat nuan, lalu tu?* *aku malas ia* 'saya sudah menerima suratmu dan sekarang aku membalasnya')

KET *mani gi?* 'mana lagi', *aku ja?* (< *saja) 'saya sendiri'

Contoh pemarkah persona pronomina terbatas kepada variasi *kita* dengan *kita?*

SAR *kita*, KET *kiti* 'kita'; SAR, SEL, KET *kita?* 'kamu sekalian',
IBN *kitai* 'kita', *kita?* 'kamu sekalian'

Dalam Daftar 4, terdapat enam kata pembilang dalam kelima-lima isolek Borneo Barat yang dibandingkan. Perhatikan bahawa bukan semua isolek yang memperlihatkan bentuk yang dibandingkan.

Berdasarkan data tersebut, perlu disimpulkan bahawa timbulnya hentian glotis ini tidak merupakan ciri wilayah lagi dalam isolek Melayik seperti Iban, Sarawak, Selako, Ketapang, Belitung dan Bangka (Palembang, Jakarta). Timbulnya glotal ini perlu dianggap inovasi bersama semua isolek ini. Ertinya, isolek ini merupakan anggota sebuah subkelompok isolek Melayik yang akan dinamakan 'subkelompok Borneo Barat'.

Data ini juga menunjukkan bahawa isolek subkelompok Borneo Barat ini, yang sebahagian anggotanya digunakan di tanah asal usul orang Melayu purba, sudah tidak berkontak lagi dengan isolek Melayik lain yang turunannya terdiri daripada isolek yang dituturkan di Sumatera, Semenanjung, Riau, Borneo Utara, Timur dan Selatan. Ertinya, kemungkinannya besar bahawa nenek-moyang penutur isolek yang terakhir ini sudah mulai meninggalkan tanah asal usulnya pada waktu munculnya hentian glotis dalam subkelompok Borneo Barat.


DAFTAR 4. Perbandingan kata-kata pembilang di Borneo Barat.

Iban	Sarawak	Selako	Ketapang	Bangka
<i>butir</i> 'butir' (< *butir)	---	---	---	---
---	<i>səbuti?</i> 'kp (kelapa, dll.)	---	<i>suti?</i> 'kp (kelapa, dll.)'	<i>buter</i> 'kp (objek kecil yang bentuk- nya spt biji)', <i>sute?</i> 'satu'
<i>iko?</i> 'ekor' (< *ikur)	<i>ikor</i> 'ekor'	<i>eko?</i> 'ekor'	---	<i>ikɔ, ikur</i> 'ekor
<i>iko?</i> 'kp (manusia, haiwan,	<i>siku?</i> 'kp (manusia, haiwan)'	<i>eko?</i> 'kp (manusia, haiwan)'	<i>eko?</i> 'kp (manusia, haiwan)'	<i>ikɔ</i> 'kp (manusia, haiwan)' objek)' <i>sikɔ</i> 'satu'
---	---	---	---	---
<i>iti?</i> 'kp (kertas, buku, meja, kerusi, bilik, bunga)' (< *bintil?)	---	<i>ete?</i> 'kp (objek panjang, misalnya pensil, berus gigi)'	---	---
<i>siti?</i> 'satu' <i>bigi?</i> 'ketumbuh- an di kerong- kongan atau di perut' (< *bigi < *biji)	<i>bigi?</i> 'biji, benih'	<i>bege?</i> 'batu, biji'	---	<i>bigi?</i> 'biji, benih'
---	<i>bigi?</i> 'kp utk buah yg berbiji'	<i>ege?</i> 'kp (objek yang bulat)'	---	<i>bigi?</i> 'kp (objek kecil yg bentuk- nya spt biji'
<i>igi?</i> 'kp (buah telor, benih, gigi)'	<i>igi?</i> 'kp (kursi)'	---	---	<i>igi?</i> 'lihat <i>bigi?</i>
---	---	---	---	<i>sigi?</i> 'lihat <i>bigi?</i>

---	<i>igir</i> 'sendiri, tunggal' (derivasi balik dari *bigi?)	---	---	---
---	<i>igir</i> 'kp (objek kecil yang lebih besar drp <i>bigi?</i>)'	---	---	---
<i>kayu?</i> 'kayu' (< *kayu)	<i>kayu</i>	<i>kayu</i> 'kayu'	<i>kayu</i>	<i>kayu</i>
<i>kayu?</i> 'kp (pohon)	---	<i>kayu?</i> 'kp, objek panjang: sungai)	---	---

Kalau kami mengkaji distribusi anggota subkelompok Borneo Barat, kami harus berkesimpulan bahawa beberapa waktu sesudah timbulnya inovasi hentian glotis sebahagian penutur salah satu isolek subkelompok Borneo barat ini yang berdiam di tanah asal usul bahasa Melayu Purba (atau berdekatan dengannya) mulai bermigrasi ke selatan Pulau Borneo melalui pesisir barat sampai ke daerah Ketapang dan dari sana menyeberang Laut Cina Selatan untuk ke Belitung dan Bangka. Sesudah menetap beberapa abad di kedua pulau ini sebahagian penduduknya berpindah ke Palembang dan Jakarta. Yang penting ialah bahawa migrasi yang terakhir ini rupanya terjadi sesudah isolek yang menggunakan vokal akhir dan bukan hentian glotis, sudah kehilangan kontak dengan subkelompok Borneo barat. Kehilangan kontak ini perlu dianggap sebagai akibat keberangkatan bertahap-tahap penutur isolek-isolek, yang tidak mengalami inovasi hentian glotis, ke daerah lain. Ini juga bererti bahawa migrasi ke Sumatera Selatan melalui Ketapang dan Belitung/Bangka merupakan migrasi yang terbaru.

Perkembangan linguistik yang baru diperikan di atas boleh digambarkan dengan Rajah 2 sebagai berikut:



RAJAH 2. Migrasi Melayik Borneo Barat dan refleksinya dalam pengelompokan isolek.

Pertanyaan berikutnya yang perlu dijawab ialah: Bagaimana perkembangan historis isolek sebelum terjadinya inovasi hentian glotal? Apakah anggota subkelompok Borneo Barat yang dituturkan di daerah asal usul orang Melayu mempunyai hubungan yang lebih erat dengan isolek tertentu yang juga digunakan di daerah yang sama sebelum munculnya hentian glotal itu?

Meskipun buktinya belum terlalu kuat, ada beberapa penunjuk yang menyokong hipotesis bahawa isolek Melayu yang sekarang digunakan di daerah Brunei, Kutai, Kota Bangun dan Banjarmasin dan subkelompok Borneo Barat rupanya memiliki bersama beberapa inovasi yang tidak terdapat dalam isolek Melayu yang sekarang dituturkan di luar Borneo, yaitu di Sumatera tengah, Riau dan Semenanjung, atau dalam bahasa Austronesia yang lain. Kebanyakan data yang ditampilkan dalam Daftar 5 ini diambil dari Collins (1991). Bahan yang terdapat dalam daftar ini dianggapnya sebagai inovasi secara tentatif.

Pengamatan ini bererti 1) bahawa isolek Borneo utara, timur dan selatan merupakan satu subkelompok yang akan disebut 'subkelompok Borneo timur' dan 2) bahawa subkelompok Borneo timur ini mempunyai hubungan kekerabatan yang paling erat dengan subkelompok Borneo barat.

Lagi pula, dari data yang terbatas ini mungkin boleh disimpulkan bahawa pada zaman dahulu terdapat suatu bahasa purba seBorneo. Implikasinya ialah bahawa kontak antara subkelompok Borneo barat dan Borneo timur berlangsung lebih lama daripada kontak antara kedua subkelompok ini dengan isolek Melayik yang kini digunakan di Sumatera tengah, Riau dan Semenanjung.

Data linguistik rupanya menunjukkan bahawa kontak antara isolek Melayik yang menjadi isolek di Sumatera tengah, Riau dan Semenanjung dan isolek Melayik di Borneo sudah terputus pada waktu kedua subkelompok Borneo masih berkembang bersama-sama.

Hipotesis bahawa migrasi yang meninggalkan Borneo ke arah barat melalui Riau merupakan penyebaran orang Melayu purba yang pertama juga disokong oleh beberapa inovasi leksikal yang rupanya boleh ditemui dalam isolek yang bermigrasi ke arah Sumatera ini:

- *quey 'rotan' > *raut-an
- *asu 'anjing' > *anjing
- *apa 'bapak' > *b-apak
- *isi 'daging' > *daging

Semua perkembangan historis yang baru diperikan ini boleh digambarkan dengan memperlihatkan pohon kekerabatan (lihat Rajah 3) dan dengan Peta 2.

DAFTAR 5. Inovasi tentatif dalam leksikon Borneo Purba

Inovasi Semantik Yang Mungkin Hanya Terdapat Dalam Isolek Melayu Borneo

*saup ‘menolong mengerjakan sesuatu, bantu’ + *an, Melayu Baku, MIN *sopan* ‘courteous, polite, hormat’, IBN, SAR *supan*, SEL *supatn*, BER, KOT, BJR *supan* ‘malu’

*ikur ‘kp utk haiwan, pejoratif secara opsional’, IBN *iko2*, SER *siku2*, SEL, KET *eko2*, BAN *iko2* KOT *ekor*, BJR *ikun* ‘kp utk manusia dan hewan’

Perubahan Semantik Yang Mungkin Merupakan Inovasi Borneo

Melayu Baku	<i>bərtapuk</i>	‘bertimbun, bopeng’
Iban	<i>bətapok</i>	‘bersembunyi’
Sarawak	<i>batapok</i>	‘bersembunyi’
Brunei	<i>batapuk</i>	‘bersembunyi’
Berau	<i>batapuk</i>	‘bersembunyi’

Melayu Baku	<i>gagap</i>	‘gugup’
Sarawak	<i>gagap</i>	‘meraba’
Brunei	<i>gagap</i>	‘meraba dalam kegelapan’
Berau	<i>gagap</i>	‘meraba dalam kegelapan’
Banjar	<i>gagap</i>	‘meraba dalam kegelapan’

Unsur Leksikal Yang Mungkin Merupakan Inovasi Borneo

Sarawak	<i>lanjis</i>	‘habis, hilang tanpa bekas’
Iban	<i>lanjis</i>	‘bersih, licin’
Brunei	<i>lanjis</i>	‘habis (makanan); bersih dan kemas’
Berau	<i>lanjis</i>	‘pupus’
Banjar	<i>lanjis</i>	‘bersih’

Sarawak	<i>lanji</i>	‘bernafsu’
Iban	<i>lanji-lanji</i>	‘cantik’
Brunei	<i>lanji</i>	‘berhubung dgn kelakuan perempuan yang tidak sopan’
Berau	<i>lanji</i>	‘berperilaku mengarah pada hal seksual’
Banjar	<i>lanji</i>	‘pelacur’

Sarawak	<i>lingar</i>	'mudah terbalik'
Iban	<i>lingar</i>	'mudah terbalik'
Brunei	<i>lijar</i>	'oleng dan mudah terbalik (perahu)'
Berau	<i>lingar</i>	'mudah oleng'
Sarawak	<i>rubit</i>	'robek'
Iban	<i>rubit</i>	'robek'
Brunei	<i>rubit</i>	'sedikit koyak (kain dsb.)'
Berau	<i>rubit</i>	'merobek, mencubit sedikit'
Sarawak	<i>tərais</i>	'meneriaki'
Iban	<i>rai-rai</i>	'berteriak'
Brunei	<i>tarais</i>	'memanggil dgn suara besar'
Berau	<i>tarais</i>	'meneriaki'
Sarawak	<i>dudi</i>	'kemudian'
Iban	<i>dudi</i>	'kemudian'
Selako	<i>dudi</i>	'kemudian'
Ketapang	<i>dudi</i>	'kemudian'
Berau	<i>dudi</i>	'kemudian'
Kota Bangun	<i>dudi</i>	'kemudian'
Banjar	<i>dudi</i>	'kemudian'
Sarawak	<i>təpas</i>	'menyentik (keluar debu)'
Iban	<i>təpas</i>	'menyapu'
Berau	<i>tapas</i>	'mencuci, membasuh'
Banjar	<i>tapas</i>	'membasuh pakaian'
Sarawak	<i>ntai</i>	'yang tersebut'
Selako	<i>tai</i>	'tadi'
Berau	<i>te?</i>	'yang tersebut'
Kota Bangun	<i>tai</i>	'yang tersebut'

*qulu tuet 'tempurung lutut', *lutut*, IBN, SER, *pala? tut* 'lutut' KOT *pala? litut* 'lutut, tempurung lutut'

Pertanyaan tentang bila bahasa Melayik Purba terbentuk dan bila ketiga-tiga migrasi yang dihipotesiskan terjadi masih perlu dijawab. Bellwood (1995) berpendapat bahawa daerah Asia Tenggara mulai didiami penutur bahasa Austronesia di sekitar tahun 1000 B.C. Kalau kami mengasumsikan bahawa pendatang Austronesia, yang mungkin masih berbahasa tunggal, langsung mulai menduduki kebanyakan pulau di Asia Tenggara, maka boleh dibayangkan bahawa bahasa Melayik Purba mulai berkembang di pesisir barat Borneo di sekitar 500 B.C.

2. Isolek Dayak-Melayik (*'Malayic Dayak isolects'*), yaitu isolek yang digunakan oleh penutur yang tidak pernah meninggalkan Borneo (misalnya Iban, Selako, Kendayan). Isolek ini dianggap sebagai isolek endo-Borneo.

Apakah hipotesis Adelaar dan Hudson ini boleh dipertahankan? Menurut pendapat kami tidak boleh, oleh kerana alasan yang berikut.

- 1) Tidak ada inovasi bersama yang hanya dimiliki isolek Melayik di Sumatera dan isolek Melayik di pesisir Borneo; ertinya tidak ada bukti bahawa ada hubungan yang lebih erat antara kedua kelompok isolek Melayik ini.
- 2) Munculnya tambahan hentian glotis dalam isolek Melayik di pesisir Borneo dan isolek Melayik yang dinamakan isolek Dayak-Melayik harus dianggap inovasi bersama. Pendapat bahawa timbulnya hentian glotis di dalam isolek yang dianggap dua jenis isolek Melayik disebabkan pinjaman oleh isolek di pesisir Borneo dari isolek Dayak-Melayik perlu ditolak, oleh kerana tidak boleh dibayangkan isolek Melayu di pesisir Borneo meminjam banyak unsur dari isolek Dayak-Melayik, oleh kerana isolek Melayik pesisir Borneo jauh lebih berwibawa daripada isolek daerah pedalaman. Lagi pula, seperti yang telah diterangkan di atas, tidak boleh dibayangkan bahawa semua isolek Melayik pesisir satu per satu meminjam semua kata sama yang mengandungi hentian glotis dari sebuah isolek Dayak-Melayik.
- 3) Jumlah unsur bahasa Melayik purba (yaitu retensi) yang terdapat dalam dialek Sumatera dan dalam isolek di pesisir Borneo tidak boleh membuktikan hubungan kekerabatan yang lebih erat antara kedua jenis (istilah Adelaar dan Hudson) isolek Melayik ini, melainkan hanya memperlihatkan pengaruh isolek Sumatera (dan Riau dan Semenanjung) terhadap isolek Melayik di pesisir Borneo. Pengaruh bahasa nasional Malaysia dan Indonesia terhadap isolek Melayik di pesisir Borneo juga memainkan peranan dalam proses pepaduan (*convergence*) ini. Isolek Dayak-Melayik juga mengalami pengaruh ini, akan tetapi impaknya jauh lebih terbatas.

KESIMPULAN

Seperti yang terbaca dalam tajuk tulisan ini, hipotesis tentang tanah asal usul dan migrasi orang Melayu purba merupakan hasil kajian awal. Demi hipotesis yang lebih meyakinkan diperlukan lebih banyak data tentang isolek Melayik baik di Borneo mahupun di daerah yang lain. Diharapkan bahawa projek tentang asal usul bahasa dan bangsa Melayu yang dirancangkan ATMA menghasilkan bahan yang mengizinkan

rekonstruksi salasilah bahasa dan bangsa Melayu secara jauh lebih mendalam dan secara multidisipliner dengan melibatkan ahli linguistik, arkeologi, antropologi dan etnologi. Diharapkan bahawa tulisan ini mengandungi data yang merupakan sumbangan yang bermakna kepada projek ATMA yang tidak lama lagi akan dimulai.

CATATAN

- ¹ Inovasi 11) yang diusulkan Adelaar, yaitu *-h dan *ʔ > BMP *ʔ atau Ø, tidak diterima (lihat catatan 2).
- ² Hipotesis ini tidak setuju dengan Zorc (akan terbit) dan Adelaar (1992). Zorc merekonstruksi *-ʔ, kalau Tagalog -ʔ bersepadanan dengan Iban -ʔ dan *-h, kalau Tagalog *-V bersepadanan dengan Iban -ʔ. Adelaar (1992) merekonstruksi BMP *-ʔ untuk kedua kesepadanan ini. Rekonstruksi ini dipertahankan juga dalam Adelaar (1994), meskipun diakui bahawa 'Many other Bornean languages (including Malayic languages and West Bornean Malay dialects) have an unexplained (seemingly non-historical) -ʔ, and it is likely that its development is the result of an areal feature in Borneo and surrounding areas'. Rekonstruksi *-ʔ yang diusulkan Zorc perlu dicurigai, oleh kerana kebanyakan kata Tagalog yang memperlihatkan -ʔ boleh dianggap pinjaman dari bahasa Melayu (lihat Wolff 1976). Rekonstruksi Zorc dengan *-h perlu dianggap *ad hoc*, oleh kerana satu-satunya dasar rekonstruksi ini ialah munculnya Iban -ʔ. Tagalog memperlihatkan -V seperti untuk etimon yang berakhir dengan *-V. Menurut Blust (1988:32) sering tampil kontradiksi dalam refleks bunyi laringal ini, bukan hanya pada tingkat bahasa Melayu-Polinesia Purba, melainkan juga pada tingkat bahasa Austronesia Purba. Itu sebabnya Blust memerikan kontradiksi ini sebagai '*Zorc's problem*' dan Blust tidak menerima rekonstruksi Zorc ini.

RUJUKAN

- Adelaar, K.A. 1988. More on Proto-Malayic. Dalam Mohd Thani Ahmad dan Zaini Mohamed Zain (Penyunting). *Rekonstruksi dan cabang-cabang bahasa Melayu Induk*, hlm. 59-77. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adelaar, K.A. 1992. *Proto-Malayic. The reconstruction of its phonology and parts of its lexicon and morphology*. Pacific Linguistics C-119. Canberra: Australian National University.
- Adelaar, K.A. 1994. The classification of the Tamanic languages. Dalam Tom Dutton and Darrell Tryon (Penyunting). *Language contact and change in the Austronesian world*. Hlm. 1-41 Berlin, New York: Mouton de Gruyter.
- Adelaar, K.A. 1995. Borneo as a cross-roads for comparative Austronesian linguistics. Dalam Peter Bellwood, James J. Fox and Darrell Tryon (Penyunting) *The Austronesians: historical and comparative perspectives*, Hlm. 75-95. Canberra: Research School of Pacific and Asian Studies, The Australian National University.
- Adelaar, K.A. n.d. Selako wordlist. Naskhah.

- Bellwood, P. 1993. Cultural and biological differentiation in peninsular Malaysia: the last 10,000 years, *Asian Perspectives* 32: 37-60.
- Bellwood, P. 1995. Austronesian prehistory in Southeast Asia: Homeland, expansion and transformation. Dalam Peter Bellwood, James J. Fox dan Darrel Tryon (Penyunting) *The Austronesians: Historical and comparative perspectives*, hlm. 96-111, Canberra: Department of Anthropology, Research School of Pacific and Asian Studies, Australian National University.
- Blust, R.A. 1979. Proto-Western Malayo-Polynesian Vocatives *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 135: 205-251.
- Blust, R. A. 1988. Malay historical linguistics: A progress report. Dalam Mohd. Thani Ahmad dan Zaini Mohamed Zain (Penyunting). *Rekonstruksi dan cabang-cabang bahasa Melayu Induk*, hlm. 1-33. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Blust, R.A. 1988. *Austronesian root theory. An essay on the limits of morphology*. Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.
- Collins, James T. 1987. *Dialek Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James T. 1991. Rangkaian dialek Melayu di Pulau Borneo. *Dewan Bahasa* 35: 687-696.
- Collins, James T. 1995. Ketapang fieldnotes. Naskah.
- Collins, James T. belum terbit. Kota Bangun-English dictionary.
- Kern, H. 1889. Taalkundige gegevens ter bepaling van het stamland der Maleisch Polynesische volkeren. *Verslagen en Mededeelingen der Koninklijke Akademie van Wetenschappen. Afdeling Letterkunde* (3d Series) 6: 270-87.
- Richards, A. 1981. *An Iban-English dictionary*. Oxford: Clarendon Press.
- Wolff, John U. 1976. Malay borrowings in Tagalog. Dalam C.D. Cowan and O.W. Wolters (Penyunting), *Southeast Asian history and historiography*. Ithaca and London: Cornell University Press.
- Zorc, David. Akan terbit. The reconstruction and status of Austronesian glottal stop - chimera or chameleon. Bernd Nothofer (Penyunting) *Reconstruction, Classification, Description, Festschrift in Honor of Isidore Dyen*, hlm. 41-72. Hamburg: Abera Verlag.